

GHAZAL YAKIN KETETAPAN KAMPUCHEA TERLAKSANA

SINGAPURA, Selasa — Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie, yakin ketetapan Persidangan Antarabangsa Mengenai Kampuchea akan terlaksana menjelang perhimpunan agung Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) September ini.

Ini termasuklah penubuhan kerajaan campuran antara pihak-pihak anti-Vietnam yang akan berusaha 'memerdekakan' tanahair mereka dari cengkaman Vietnam yang disokong Russia.

Keyakinan beliau itu berdasarkan perkembangan-perkembangan terbaru terutamanya kejayaan ASEAN di forum-forum antarabangsa dalam 'mengasingkan' Hanoi dari masyarakat antarabangsa dan sekaligus memujuk dunia mengiktiraf Kerajaan Demokratik Kampuchea yang diwakili oleh Rejim Heng Samrin di PBB.

Tan Sri Ghazali tidak menolak kemungkinan hasrat Menteri Luar Vietnam, Encik Nguyen Co Thach melawat negara-negara ASEAN tidak lama lagi didorongi oleh ke-

Dari **ASARI IBRAHIM**
dan **BUSTAMAM AHMAD**

jayaan ASEAN itu.

Encik Co Thach akan melawat Indonesia, Singapura dan Malaysia. Tan Sri Ghazali sendiri mempelawa beliau datang ke Kuala Lumpur.

Tan Sri Ghazali juga yakin Kerajaan Demokratik Kampuchea akan terus diiktiraf sebagai wakil sah rakyat Kampuchea di PBB walaupun terdapat spekulasi bahawa negara-negara Amerika Selatan mungkin menarik balik sokongan mereka berikutan di persidangan lalu.

Spekulasi itu berdasarkan kepada perkembangan terbaru di rantau itu berikutan krisis Falklands. Negara-negara Amerika Selatan dikatakan tidak akan menyokong cadangan yang disokong Amerika Syarikat dan Britain.

Sewaktu menjelaskan mengapa beliau tidak langsung menyentuh mengenai perkembangan di Kampuchea dalam ucapannya di pembukaan persidangan semalam, Tan Sri Ghazali berkata:

"Perkara itu sudah diketahui umum, dan saya menjangka perwakilan lain tentunya akan mem-

bincangkannya. Jadi adalah lebih elok sekiranya saya cuba mengupas soal yang kini sedang menekan dan mengancam sistem ekonomi bebas dunia."

Dalam pertemuannya dengan wartawan Malaysia di sini hari ini, beliau mengulangi seruannya kepada pemimpin-pemimpin politik di dalam sistem ekonomi bebas supaya bertindak dengan saksama bagi membetulkan keadaan sistem itu yang kini tersepit kerana ketamakan negara-negara maju.

Katanya, untuk menjayakan penubuhan kumpulan pemikir antarabangsa bagi menyediakan formula untuk menyelamatkan sistem ekonomi bebas, ASEAN akan memujuk kesemua negara terlibat menyertainya.

Sebagai langkah pertama, ASEAN akan menggunakan dialog dengan Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah (EC) dan Jepun untuk memujuk mereka menjayakan konsep itu.

Pemerhati-pemerhati di sini menganggap ucapan Menteri Luar Malaysia sebagai berani dan agak menyimpang dari kebiasaan persidangan Menteri-menteri Luar persatuan serantau itu.

Mereka berpendapat, saranan-saranan beliau yang mengenai sistem ekonomi bebas sebagai kena pada masanya.